

Usaha memelihara pusaka bangsa

Oleh HAMDEN RAMLI
(WARTAWAN UTUSAN)

UM - 27/5/2007

NASIHAT Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi supaya parti keramat itu terus dipelihara dan dipertahankan untuk selama-lamanya harus menjadi matlamat utama perjuangan lebih empat juta ahli parti itu di seluruh negara.

Menyifatkan UMNO sebagai pusaka bangsa yang perlu dipertahankan, Perdana Menteri mahu UMNO terus dijaga dengan sebaik-baiknya bagi membolehkan parti itu terus memberi kekuatan kepada orang Melayu.

Selain satu harapan, mesej yang disampaikan pada perhimpunan sempena meraikan ulang tahun penubuhan UMNO Jumaat lalu itu juga jelas satu cabaran kepada golongan muda yang telah diberikan banyak peluang menerusi proses meremajakan parti itu.

Namun bagaimanakah untuk menerjemah harapan tersebut? Tokoh Veteran UMNO, Datuk Othman Desa berkata, sebagai satu pusaka, semua ahli UMNO perlu memelihara parti itu seperti memelihara harta sendiri.

"Ia ibarat mengurus tanah pusaka keluarga. Kita akan jaga dan pelihara sebaik-baiknya. Kita tidak mahu kerana harta pusaka ini ahli keluarga bergaduh.

"Sebaliknya kita akan ikhtiar agar harta pusaka ini terus memberikan manfaat sampai bila-bila," katanya pada satu pertemuan dengan *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

Justeru, untuk memelihara harta pusaka itu, Setiausaha Biro Agama UMNO itu berkata, UMNO bukan sahaja perlu kuat dan teguh tetapi mesti sentiasa berpengaruh.

"Berpengaruh maknanya kita mesti sentiasa di hati rakyat. Tanpa itu UMNO tidak akan berjaya," tambahnya lagi.

Bagi memastikan UMNO sentiasa di hati rakyat, tradisi berjasa kepada rakyat dan memajukan negara perlu diteruskan.

Selain itu, kebijaksanaan untuk memenangi hati rakyat perlu sentiasa dipelajari, apatah lagi, rakyat pada hari ini tidak bodoh dan tidak boleh diperbodohkan.

Pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Ijok satu contoh jelas kebijaksanaan rakyat dalam membuat pilihan walaupun diasak dengan pelbagai dakwah dan penipuan oleh parti pembangkang.

Satu lagi elemen penting dalam menjadikan UMNO terus kuat dan teguh, adalah kualiti barisan kepimpinan muda. Pemimpin muda hari ini mesti tahu arah tujuan perjuangan.

Sejarah perjuangan UMNO dan pengorbanan pemimpin serta ahli-ahli terdahulu perlu difahami bagi membolehkan ia dicontohi.

"Kita kena tahu kekuatan yang dimiliki. Kita boleh menjadikan Wawasan 2020 sebagai tapak untuk melonjak Melayu ke persada yang terbilang," katanya.

Menurut Othman, perpaduan dalam UMNO juga perlu dipelihara kerana itu adalah kekuatan sebenar UMNO. Dengan kekuatan itu UMNO mampu mengharungi apa jua cabaran.

Oleh itu, perbalahan harus dielakkan. Keikhlasan dalam perjuangan perlu diamalkan. Amalan mencari kepentingan peribadi perlu dielakkan.

Satu lagi aspek yang ditekankan dalam memelihara pusaka bangsa ini adalah kepentingan kira-kira 20,000 cawangan UMNO di seluruh negara.